

# KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: SINAR HARIAN (NASIONAL)

TARIKH: 09 APRIL 2018

MUKA SURAT: 44

## **Bomba sasar 50 peratus lulus ujian kecergasan**

**JOHORBAHRU** - Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) menyasarkan 50 peratus anggotanya lulus ujian kecergasan fizikal menjelang akhir tahun ini.

Ketua Pengarahnya, Datuk Seri Wan Mohd Nor Ibrahim berkata, aspek kecergasan adalah penting kerana ia akan mempengaruhi reputasi dan masa bertindak seseorang anggota, sekali gus membantu meningkatkan mutu kerja anggota pada masa akan datang.

"Tahun lalu, 40 peratus anggota seluruh negara melepasi ujian ini dan kita sasarkan lebih ramai lagi anggota lulus hingga hujung tahun ini," katanya selepas Majlis

Penganugerahan Pingat Kebesaran Jabatan, Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2017 dan Sijil Perkhidmatan 30 tahun peringkat negeri di sini, semalam.

Pada tahun ini, seramai 14,000 anggota di seluruh negara terlibat dalam ujian itu, dan yang gagal melepasi ujian atau had badan melebihi seperti disarankan, perlu mengikuti program khas yang akan dilaksanakan.

Dalam perkembangan lain, beliau berkata, semua anggota dalam keadaan bersiap sedia pada musim PRU ini, dan JBPM akan memastikan keadaan sentiasa terkawal sepanjang proses pengundian. - *Bernama*